## GARIS PANDUAN MATCHING GRANT (GERAN PEMBIAYAAN PADANAN)

## PINDAAN TAHUN 2020

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>1. Sebagai pelengkap projek penyelidikan yang telah berjaya memperoleh geran luar iaitu geran penyelidikan daripada penaja Antarabangsa/IPT/agensi kerajaan.<br>2. Sebagai platform membantu penyelidik UTM mendapatkan geran Antarabangsa/IPT/agensi kerajaan yang memerlukan sumbangan universiti untuk menjayakan penyelidikan tersebut.</td></tr>
<tr><td>Syarat Khusus</td><td>1. Pemohon mestilah terdiri daripada staf akademik tetap atau kontrak UTM.<br>2. Bagi pemohon staf akademik kontrak perlu melibatkan SATU (1) orang<br><br>staf akademik bertaraf tetap sebagai ahli projek.</td></tr>
<tr><td>Syarat Permohonan</td><td>1. Pemohon mestilah telah menerima geran luar sama ada geran dari penyelidikan kontrak swasta/industri (yang tidak memohon DTD), IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa :
<table>
<tr><th>Sumber Dana</th><th>ST</th><th>SS</th></tr>
<tr><td>Industri/Antarabangsa</td><td>RM10,000.00</td><td>RM5,000.00</td></tr>
<tr><td>IPT/agensi kerajaan (dalam negara)</td><td>RM20,000.00</td><td>RM5,000.00</td></tr>
</table>
2. Peruntukan kewangan yang diperolehi dari geran luar mestilah di bawah pengurusan RMC.<br>3. Perlu mengemukakan dokumen perjanjian MoA/MoU/RA/LoA yang lengkap dan telah diluluskan oleh Universiti.<br>4. Peruntukan daripada penaja telah masuk ke UTM sebanyak 40% daripada jumlah peruntukan diluluskan.</td></tr>
<tr><td>Tempoh</td><td>1. Tempoh projek penyelidikan adalah mengikut tempoh geran kontrak swasta/industri (yang tidak memohon DTD), IPT/agensi kerajaan (dalam Negara) dan antarabangsa.<br>2. Bagi staf kontrak, tempoh projek penyelidikan mestilah tidak melebihi tempoh kontrak perkhidmatan.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>Amaun (Quantum of Funding)</td><td>1. Penetapan siling peruntukan geran pembiayaan sepadan akan diberi berdasarkan 40% daripada nilai geran kontrak swasta/industri (yang tidak memohon DTD), IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa.<br>2. Maksimum pembiayaan geran padanan adalah sebanyak RM 250,000.00 atau tertakluk kepada jumlah amaun sepadan yang dipersetujui oleh UTM seperti dalam Dokumen Perjanjian dengan pihak penaja.<br>3. Pemberian peruntukan geran pembiayaan sepadan ini bergantung kepada kemampuan dan kedudukan kewangan Universiti.</td></tr>
<tr><td>Output</td><td>1. Output projek ini adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Output</th></tr>
<tr><td>Kertas Kerja Jurnal Berindeks</td><td>ST<br>RM20,000 = 1<br>SS<br>RM5,000 – MySite. Scopus<br>RM10,000 – Scopus, Era atau WoS</td></tr>
<tr><td>MoA/LoA/RA</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Penghasilan Harta Intelek</td><td>Jelas dinyatakan dalam MoA/LoA/RA (sekiranya ada)</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Proses Permohonan</td><td>1. Ketua projek yang berjaya memperolehi geran kontrak swasta/industri (yang tidak memohon DTD), IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa yang memerlukan geran padanan majukan permohonan kepada RMC.<br>2. Borang permohonan boleh diisi dengan e-form (link google drive)</td></tr>
<tr><td>Penilaian Proposal</td><td>1. Permohonan yang lengkap dan memenuhi kriteria geran padanan akan dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Propsal Penyelidikan (JKPPP) untuk kelulusan.<br>2. Permohonan dibuka sepanjang tahun.</td></tr>
<tr><td>Keputusan</td><td>1. Keputusan penilaian dan pemilihan adalah muktamad.<br>2. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui emel rasmi UTM</td></tr>
<tr><td>Pemantauan</td><td>1. Laporan kemajuan perlu dihantar setiap Jun dan Disember.<br>2. Laporan akhir perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan selepas geran tamat.</td></tr>
</table>